

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

HKT 121/NSK 013 Teori dan Kritikan Sastera

Masa: [3 jam]

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja.

1. Di dalam kerangka pembinaan teori sastera, unsur-unsur teori sastera perlu dibincangkan dengan mendalam. Berdasar pandangan tradisional seperti Muhammad Hj. Salleh dan pascamodenis seperti Roland Barthes bincangkan unsur-unsur berikut:
  - [ i] pengarang.
  - [ ii] teks.
  - [iii] pembaca.
2. Merujuk kepada pendekatan fenomenologikal yang dikemukakan oleh Wolfgang Iser, jelaskan proses membaca teks sastera berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:
  - [ i] jalinan ayat-ayat yang bertujuan:
  - [ ii] proses pengkonkritan (pentafsiran).
  - [iii] proses bacaan inovatif (*gestalt*).
  - [iv] objek estetik.
3. Huraikan peranan teori linguistik moden di dalam strukturalisme. Merujuk kepada novella "Igauan" di dalam Igauan dan Cerita-Cerita Lain, jelaskan cara bacaan strukturalisme.

4. Jelaskan perhubungan di antara wacana kolonial dan pasca-kolonial di dalam Kesusasteraan Pasca-Kolonial. Merujuk kepada novel **Putera Gunung Tahan**, bincangkan serangan yang dikenakan ke atas wacana kolonial.
5. Jelaskan hubungan fiksyen dan sejarah di dalam pemikiran pascamoden seperti yang diperlihatkan di dalam metafiksyen historiografik.
6. Bincangkan pendekatan intertekstual *gestalt* dan aplikasinya kepada novel **Desa Salji** dan novella “Penari dari Izu” oleh Yasunari Kawabata.
7. Tindakan Sethe di dalam novel **Beloved** membunuh anak perempuannya Beloved dapat dilihat sebagai satu manifestasi kebangkitan suara wanita menentang kezaliman sistem perhambaan di Amerika. Bincangkan.